



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 April 2024
18 Syawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Musim candat sotong, pemilik bot raih pendapatan lumayan
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• 159 biji telur penyu karah dikesan di Tanjung Gemuk
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
The Sun	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT TAR
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY	
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI	
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	/	NEGATIF	NEUTRAL	15 27.4.2024



SEBANYAK 159 biji telur penyu karah ditemukan di Pantai Tanjung Gemuk, Port Dickson semalam. KOSMO, 27.4.2024

159 biji telur penyu karah dikesan di Tanjung Gemuk

POR T DICKSON – Musim pendaratan penyu di pantai peranginan di sini bermula dengan penemuan kira-kira 159 biji telur penyu karah di Pantai Tanjung Gemuk, di sini semalam.

Ranjer penyu yang juga Pengurus Pusat Pemuliharaan Penyu Glory Beach Resort, Hishamudin Abd Manap berkata, dia menemukan telur haiwan dilindungi itu kira-kira pukul 1 pagi di pantai ketiga yang dipantau.

Menurutnya, menggunakan kaedah tradisional dengan mencucuk kayu di atas permukaan pasir pantai, dia berjaya mengesan lokasi tersebut yang merupakan antara lokasi pantai disukai penyu untuk bertelur di daerah itu.

"Ada empat pantai yang menjadi kesukaan penyu untuk bertelur iaitu Pantai Glory, Tanjung Gemuk, Bagan Pinang dan Pantai Baru 1.

"Bila mula musim penyu bertelur dari April hingga November, saya akan meman-

tau pantai-pantai ini bermula pukul 10 malam hingga 5 pagi untuk mengesan penyu mendarat serta bertelur."

"Dalam penemuan pertama untuk musim penyu bertelur tahun ini, diperlukan telur ini sudah berusia 10 hingga ke 15 hari," katanya di sini semalam.

Turut hadir bagi menyelamatkan telur penyu berkenaan ialah Pengurus Besar Glory Beach Resort, John Yeong.

Ujar Hishamudin, kesemua telur penyu berkenaan akan dibawa ke Pusat Pemuliharaan Penyu Glory Beach Resort dan dijangka menetas dalam tempoh dua bulan lagi.

Menurutnya, kebiasaannya, seekor ibu penyu akan naik sebanyak empat kali ke darat bagi bertelur dengan purata 160 biji buat kali pertama.

"Tahun lalu, kita berjaya menyelamatkan lebih 2,000 biji telur semasa musim penyu bertelur di pantai peranginan daerah ini," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	1	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUL SURAT TAR
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI	
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	1	NEGATIF	NEUTRAL	34
					27.4.2024

Musim candat sotong, pemilik bot raih pendapatan lumayan



PESERTA mencandat sotong menunjukkan hasil tangkapan di perairan Terengganu. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

Oleh TENGKU DANISH
BAHRI TENGKU YUSOFF
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Ketibaan musim mencandat sotong sejak awal bulan ini memberi pulangan lumayan kepada pemilik bot selepas menerima tempahan hampir setiap hari.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, harga bagi 'trip' mencandat di sekitar daerah ini bermula RM850 sehingga RM1,600 bergantung kapasiti dan jenis bot.

Seorang pengusaha, Zakaria Musa, 52, berkata, musim mencandat bermula April sehingga September akan memberi rezeki kepada ribuan nelayan terutama yang memiliki lebih daripada sebuah bot.

Malah, Zakaria juga tidak menang tangan menerima tempahan yang kebanyakannya dibuat

pelanggan dari luar Terengganu yang mahu merasai pengalaman mencandat di perairan negeri ini.

"Bermula awal bulan ini, hampir setiap malam saya keluar membawa pelanggan memancing atau mencandat sotong di sekitar perairan Pulau Kapas dan hasil tangkapan juga memuaskan."

"Kebanyakan peserta dari Johor, Perak dan Pahang. Kalau bilangannya melebihi 15 orang saya akan mengajak beberapa rakan untuk menyewakan bot mereka pada harga berpututan."

"Tahun ini terpaksa naikkan harga sewaan RM100 kepada RM1,400 untuk satu 'trip' tetapi tempahan tetap penuh sehingga Jun atau Julai taitu waktu kemuncak mencandat sotong," katanya ketika ditemui di sini, kelmarin.

Seorang lagi nelayan, Mohd.

Awaludin Alias, 48, berkata, ada pengusaha menawarkan harga lebih rendah bagi menarik minat kaki pancing namun tetap pulang dengan hasil tangkapan lumayan.

Menurutnya, pada harga RM850 satu trip peserta akan dibawa menaiki bot gentian kaca yang boleh memuatkan enam orang untuk bermalam di tengah laut sehingga awal pagi. "Sekarang pakej mencandat pun banyak yang murah di bawah RM1,000 jadi kaki pancing ada banyak pilihan cuma memang kena buat tempahan awal kerana slot sudah penuh sehingga Jun."

"Mencandat sotong memang ibarat pesta di Terengganu kerana kita boleh lihat deretan cahaya di tengah laut menandakan musim sotong berkumpul dan bertelur sudah tiba," tambahnya.